

UBAT TITIS MATA CIPROFLOXACIN

A. APAKAH KEGUNAAN UBAT INI?

- + Ubat ini merawat jangkitan bakteria dalam mata dan merawat ulser di dalam kornea mata
- +




B. BAGAIMANA UBAT INI BERTINDAK?

- + Ubat ini bertindak dengan membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan pada mata.

C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN?

A. CARA GUNA



- 1) Dongakkan kepala ke atas.
- 2) Tarik kelopak mata bawah sedikit untuk membentuk poket.
- 3) Pegang botol ubat titis mata di atas mata secara terbalik
- 4) Pandang ke atas dan titiskan satu titis ubat ke dalam mata.
- 5) Tutup mata dan tekan ke arah dalam mata selama 1 minit untuk mengelakkan ubat terus masuk ke dalam kelenjar air mata.
- 6) Jika dos ubat titis mata lebih daripada satu titis, tunggu 5 minit sebelum dos seterusnya.

C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN?

B. JIKA TERLUPA

- Titis dos yang terlupa sebaik sahaja teringat tetapi abaikan dos tersebut jika telah hampir masa untuk dos seterusnya.
- Jangan gandakan dos ubat untuk menggantikan dos yang terlupa.

C. BAGAIMANAKAH ANDA PERLU MENYIMPAN UBATINI?

- Simpan ubat dalam bekas asal pada suhu bilik ($23^{\circ}\text{C} - 27^{\circ}\text{C}$), jauh dari haba, kelembapan dan cahaya matahari.
- Jauhkan daripada kanak-kanak.
- Pastikan ubat ditutup dengan ketat.
- Jangan gunakan ubat ini selepas 28 hari dibuka.

- Mempunyai sejarah alahan pada ubat ini.

D. PERINGATAN !!!



➤ SEBELUM MENGAMBIL UBATINI

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- Mempunyai sejarah alahan pada ubat ini.
- Hamil, merancang untuk hamil dan memberi susu badan

➤ SEMASA MENGAMBIL UBATINI

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- Mengalami kesan sampingan yang berlarutan
(contoh: iritasi)
- Didapati hamil dan memberi susu badan
- Mengalami alahan/alergi kepada ubat ini



AMARAN !!

**SEKIRANYA
TANDA-
TANDA INI
BERLARUTAN
SILA
RUJUK
DOKTOR**

E. KESAN SAMPING UBAT

- ⊕ Pesakit mungkin akan mengalami kesan-kesan berikut:
 - Iritasi (rasa pedih atau gatal) pada bahagian mata.
 - Pening atau sakit kepala.
 - Mata berair dan rasa tidak selesa.

- ⊕ Pesakit perlu melaporkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya mengalami kesan seperti berikut:
 - Pandangan kabur.
 - Bengkak pada mata.

Rujukan:

- Drugs.com
- BNF 70
- Sisipan maklumat ubat

Sebarang pertanyaan mengenai ubat-ubatan, sila hubungi Jabatan Farmasi, Hospital Universiti Sains Malaysia. 09-7673000 sambungan:

Unit Farmasi Klinikal dan Maklumat Drug : 3384/3386

Unit Farmasi Pesakit Luar : 3393/3394
